



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/4/2014

Sasar pembabitan rakyat dalam aktiviti ASEAN

Kuala Lumpur: Malaysia akan berusaha memastikan pembentukan 'ASEAN berteraskan Rakyat' bakal menyaksikan pembabitan secara langsung semua sektor masyarakat dalam aktiviti ASEAN.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, pilihan tema itu akan menjadi instrumen untuk merealisasikan impian rakyat serantau dalam menggalak tadbir urus lebih berkesan dan bertindak balas, standard ke-

BH-9/4/2014

hidupan lebih baik, pengukuhan perlindungan alam sekitar, memperkasa wanita dan peluang besar untuk semua.

Pembabitan masyarakat

"ASEAN yang berteraskan rakyat akan melihat pembabitan semua sektor masyarakat dalam aktivitinya. ASEAN tidak lagi menjadi medan kumpulan elit dan pakar semata-mata.

"Satu Komuniti ASEAN berteraskan rakyat akan menjadikan 'Satu ASEAN Untuk Semua'," katanya dalam ucap-

tama di Kolokium Kebangsaan Mengenai Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015 di sini, semalam.

Kolokium tiga hari bertema 'Malaysia Sebagai Pengerusi ASEAN 2015: Ke Arah ASEAN Berteraskan Rakyat' disertai 200 wakil bagi berkongsi pandangan mengenai harapan dan hala tuju ASEAN.

"Hanya dengan peningkatan pembabitan secara langsung, rakyat ASEAN akan memajukan integrasi serantau. Kita mahu membina sebuah

ASEAN yang mencerminkan impian rakyat dan bersedia untuk menyumbang secara positif terhadap persekitaran global," katanya.

Salur AS\$1.7 juta

Untuk melaksanakannya, institusi ASEAN termasuk Sekretariat ASEAN perlu mendapat sumber sewajarnya. Pada masa ini, setiap negara anggota menyumbang AS\$1.7 juta.

Najib berkata, sumbangan kewangan dibincangkan sejak Piagam ASEAN pada tahun 2006 dan tahun 2007.

"Daripada semua negara anggota menyumbang jumlah sama, mereka sepatutnya setuju kadar sumbangan minimum. Bagaimanapun, negara yang mahu menyumbang lebih digalakkan," katanya.